



## NEGERI SELANGOR

## Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE*

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 70  
No. 1

13hb Januari 2017

*TAMBAHAN No. I  
ENAKMEN*

Enakmen yang berikut, yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Selangor dan dipersetujui oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, adalah diterbitkan menurut Fasal (4) Perkara LXXVIII Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor:

The following Enactment, passed by the Selangor Legislative Assembly and assented to by His Royal Highness the Sultan of Selangor, are published pursuant to Clause (4) of Article LXXVIII of the Second Part of the Laws of the Constitution of Selangor:

No.

### Tajuk ringkas/Short title

Enakmen A52

Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) (Pindaan)  
2016

## Enactment A52

## Muslim Wills (Selangor) (Amendment) Enactment 2016





# **UNDANG-UNDANG NEGERI SELANGOR**

**Enakmen A52**

**ENAKMEN WASIAT ORANG ISLAM  
(SELANGOR) (PINDAAN) 2016**

Tarikh Perkenan Diraja ... ... 3 Januari 2017

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... 13 Januari 2017

Hakcipta Pencetak 

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).

## UNDANG-UNDANG NEGERI SELANGOR

### Enakmen A52

#### ENAKMEN WASIAT ORANG ISLAM (SELANGOR) (PINDAAN) 2016

BETA PERKENANKAN,

(MOHOR  
KERAJAAN)

SHARAFUDDIN IDRIS SHAH,  
*Sultan Selangor*

3 Januari 2017

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Badan Perundangan Negeri Selangor seperti yang berikut:

- |  |   |
|--|---|
| <p>1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) (Pindaan) 2016.</p> <p>2. Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999 [<i>Enakmen No. 4 tahun 1999</i>], yang disebut “Enakmen ibu” dalam Enakmen ini dipinda dalam subseksyen 2(1)—</p> <p>(a) dengan menggantikan takrif “harta” dengan takrif yang berikut:</p> <p style="padding-left: 20px;">‘“harta” termasuklah—</p> <p style="padding-left: 40px;">(a) harta alih, harta tak alih atau harta intelek;</p> <p style="padding-left: 40px;">(b) apa-apa manfaat atau kepentingan dalam apa-apa harta alih, harta tak alih atau harta intelek;</p> | <p>Tajuk ringkas</p> <p>Pindaan seksyen 2</p> |
|--|---|

- (c) apa-apa hak, kepentingan, hak milik selainnya yang berkaitan dengan harta alih, harta tak alih atau harta intelek; dan
  - (d) kepakaran dan perkhidmatan yang mempunyai nilai mengikut Hukum Syarak;’;
- (b) dengan menggantikan takrif “marad al-maut” dengan takrif yang berikut:

‘“marad al-maut” ertinya suatu penyakit yang boleh membawa maut yang memenuhi syarat-syarat yang berikut:

- (a) penyakit itu pada lazimnya berakhir dengan kematian;
  - (b) penyakit itu menyebabkan kebimbangan kematian dalam minda pesakit sehingga boleh menjaskan kewarasan akal fikiran;
  - (c) hendaklah terdapat beberapa tanda luaran yang menunjukkan bahawa penyakit itu merupakan suatu penyakit yang serius; dan
  - (d) penyakit itu dideritai secara berterusan dalam tempoh tidak lebih daripada satu tahun;’;
- (c) dengan menggantikan takrif “orang yang tak sempurna akal” dengan takrif yang berikut:

‘“orang yang tak sempurna akal” ertinya mana-mana orang yang didapati sebagai bercelaru mental di bawah seksyen 51 Akta Kesihatan Mental 2001 [Akta 615] dan meliputi mana-mana orang yang tak daya menguruskan dirinya atau hal ehwalnya atau safih;’;

(d) dengan menggantikan takrif “wali harta” dengan takrif yang berikut:

‘“wali harta” ertinya seseorang yang berhak bertindak sebagai penjaga harta bagi kanak-kanak yang tidak cukup umur mengikut Hukum Syarak, atau anak dalam kandungan, atau orang yang ditegah daripada menguruskan hartanya, dan termasuklah seseorang yang dilantik sebagai wali harta oleh Mahkamah;’; dan

(e) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam takrif “wasi” dengan memasukkan selepas perkataan “pelaksanaan sesuatu” perkataan “wasiat”.

**3.** Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas Seksyen  
seksyen 5 seksyen yang berikut:

**“5A.** Pewasiat boleh meminda sesuatu wasiat dengan—

- (a) menambah, mengurang atau mengganti harta yang diwasiatkan;
- (b) menambah atau mengurang kadar harta yang diwasiatkan;
- (c) menambah, mengurang atau mengganti benefisiari yang dinamakan; atau
- (d) menambah, mengurang atau mengganti perkara lain yang dinyatakan dalam wasiat itu.”.

**4.** Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas Seksyen  
seksyen 17 seksyen yang berikut:

**“17A.** Wali harta boleh menolak sesuatu wasiat bagi benefisiari dalam hal keadaan yang disebut di bawah subseksyen 17(2) atau (3) jika, pada pendapat wali harta itu, wasiat itu boleh mendarangkan mudarat kepada benefisiari tersebut.”.

Seksyen  
baru 5A

Pindaan  
wasiat

Seksyen  
baru 17A

Kuasa  
wali harta  
menolak  
wasiat

Pindaan  
seksyen 22

**5.** Seksyen 22 Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(4A) Jika benefisiari lebih daripada seorang dan kadar harta yang diwasiatkan tidak ditentukan oleh pewasiat, benefisiari hendaklah berkongsi harta yang diwasiatkan itu dengan kadar pembahagian yang sama rata.”.

Pindaan  
seksyen 24

**6.** Seksyen 24 Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(4) Wasi hendaklah dilantik dari kalangan orang Islam, badan atau syarikat yang diharuskan oleh Hukum Syarak.

(5) Jika tiada wasi dilantik oleh pewasiat, Mahkamah boleh melantik wasi selepas kematian pewasiat.

(6) Majlis boleh dilantik sebagai wasi.”.

Pindaan  
seksyen 26

**7.** Seksyen 26 Enakmen ibu dipinda dengan memotong subseksyen (2).

Pindaan  
seksyen 27

**8.** Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 27 dengan seksyen yang berikut:

“Wasiat  
kepada  
cucu

**27.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), jika seorang datuk atau nenek mati tanpa membuat apa-apa wasiat kepada cucu daripada anak lelakinya atau anak perempuannya yang mati terlebih dahulu daripada datuk atau nenek itu atau yang mati serentak dengan datuk atau nenek itu, cucu itu berhak mendapat wasiat wajibah.

(2) Pelaksanaan wasiat wajibah yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah memenuhi syarat yang berikut:

(a) cucu itu bukan waris kepada harta pusaka datuk atau nenek yang mati;

(b) bapa atau ibu kepada cucu itu beragama Islam pada saat kematiannya;

- (c) cucu itu tidak terlibat dengan pembunuhan datuk atau nenek yang mati; dan
- (d) cucu itu tidak menerima harta daripada datuk atau nenek yang mati sama ada melalui hibah atau wasiat atau lain-lain pemberian mengikut kadar wasiat wajibah yang selayaknya diterima oleh cucu itu.

(3) Pembahagian wasiat wajibah di bawah subseksyen (1) boleh dilaksanakan setelah didahulukan urusan berkaitan dengan pengurusan jenazah, wasiat *ikhtiyariyyah* dan hutang-piutang.

(4) Walau apa pun subseksyen (1), jika seorang datuk atau nenek mati dengan membuat wasiat, hibah atau lain-lain pemberian kepada cucunya, cucu itu masih berhak untuk mendapat wasiat wajibah sekiranya dia memenuhi syarat di bawah perenggan (2)(a), (b) dan (c).".

**9. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 27 seksyen yang berikut:**

Seksyen  
baru 27A  
dan 27B

**“27A.** (1) Kadar wasiat wajibah bagi cucu yang berhak hendaklah mengikut bahagian faraid bapa atau ibunya yang layak diterima oleh bapa atau ibunya jika mereka masih hidup dan hendaklah tidak melebihi satu pertiga daripada harta pusaka datuk atau nenek yang mati.

Kadar wasiat  
wajibah

(2) Kadar wasiat wajibah adalah seperti yang berikut:

- (a) jika kadar bahagian faraid bapa atau ibu kepada cucu itu kurang daripada satu pertiga daripada harta pusaka datuk atau nenek yang mati, kadarnya hendaklah mengikut kadar bahagian faraid tersebut;
- (b) jika kadar bahagian faraid bapa atau ibu kepada cucu itu melebihi daripada satu pertiga daripada harta pusaka datuk atau nenek yang mati, kadarnya hendaklah

dihadkan kepada satu pertiga daripada harta pusaka itu melainkan jika mendapat persetujuan daripada waris datuk atau nenek yang mati itu;

- (c) jika datuk atau nenek yang mati itu telah mewasiatkan kepada cucunya mengikut subseksyen 27(4) dengan kadar yang melebihi bahagian faraid bapa atau ibunya daripada harta pusaka datuk atau nenek yang mati itu tetapi tidak melebihi satu pertiga lebihan tersebut dikira sebagai wasiat *ikhtiyariyyah* yang berhak diterima oleh cucu itu tanpa perlu mendapat persetujuan daripada waris datuk atau nenek yang mati itu; atau
- (d) jika datuk atau nenek yang mati telah mewasiatkan atau menghibahkan atau memberikan harta melalui apa-apa pemberian kepada cucu itu mengikut subseksyen 27(4) dengan kadar yang kurang daripada bahagian faraid bapa atau ibunya dalam harta pusaka datuk atau nenek yang mati itu, kadarnya hendaklah mengikut kadar wasiat wajibah.

Pembahagian  
wasiat  
wajibah

**27B.** Pembahagian harta yang telah ditentukan kadarnya di bawah seksyen 27A hendaklah mengikut aturan yang berikut:

- (a) jika seorang cucu, dia berhak kepada keseluruhan wasiat wajibah;
- (b) jika lebih daripada seorang cucu dan terdiri daripada semua lelaki atau perempuan, pembahagian wasiat wajibah hendaklah dibuat secara sama rata; atau

*Wasiat Orang Islam (Selangor)  
(Pindaan)*

9

- (c) jika terdapat gabungan cucu lelaki dan perempuan, pembahagian wasiat wajibah hendaklah mengikut nisbah yang telah ditentukan oleh hukum faraid bagi anak lelaki dan perempuan.”.

Diluluskan pada 8 November 2016  
[P.U. Sel. (ADV) GUB (R) 06/12]

ELYA MARINI BINTI DARMIN  
*Setiausaha Dewan Negeri  
Selangor*



# **LAWS OF THE STATE OF SELANGOR**

**Enactment A52**

**MUSLIM WILLS (SELANGOR) (AMENDMENT)  
ENACTMENT 2016**

Date of Royal Assent        ...        3 January 2017

Date of publication in the        ...        13 January 2017  
*Gazette*

Publisher's Copyright ©

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system or transmitted in any form or by any means electronic, mechanical, photocopying, recording and/or otherwise without the prior permission of **Percetakan Nasional Malaysia Berhad** (Appointed Printer to the Government of Malaysia).

## LAWS OF THE STATE OF SELANGOR

### Enactment A52

#### **MUSLIM WILLS (SELANGOR) (AMENDMENT) ENACTMENT 2016**

I ASSENT,

(STATE  
SEAL)

SHARAFUDDIN IDRIS SHAH,  
*Sultan of Selangor*

3 January 2017

An enactment to amend the Muslim Wills (Selangor) Enactment 1999.

[ ]

**ENACTED** by the Legislature of the State of Selangor as follows:

1. This Enactment may be cited as the Muslim Wills Short title (Selangor) (Amendment) Enactment 2016.
2. The Muslim Wills (Selangor) Enactment 1999 [Enactment No. 4 of 1999], which is referred to as the “principal Enactment” in this Enactment is amended in subsection 2(1)—
  - (a) by substituting for the definition of “property” the following definition:
 

‘ “property” includes—

    - (a) movable property, immovable property or intellectual property;
    - (b) any benefit or interest in any movable property, immovable property or intellectual property;

- (c) any right, interest, title or otherwise in connection with movable property, immovable property or intellectual property; and
  - (d) expertise and services having value in accordance with Islamic Law;';
- (b) by substituting for the definition of "marad al-maut" the following definition:
- ‘ "marad al-maut" means a fatal disease which fulfils the following conditions:
- (a) the disease normally resulting in death;
  - (b) the disease causes the fear of death in the patient's mind to the extent of affecting the soundness of mind;
  - (c) shall possess some external signs showing that the disease is a serious disease; and
  - (d) the disease is suffered continuously for a period not more than one year;';
- (c) by substituting for the definition of "person of unsound mind" the following definition:
- ‘ "person of unsound mind" means any person found to be mentally disordered under section 51 of the Mental Health Act 2001 [Act 615] and includes any person who is incapable of managing himself or his affairs or *safih*;';
- (d) by substituting for the definition of "guardian of property" the following definition:

‘ "guardian of property" means a person authorized to act as a steward for children who has not attained the maturity age according to Islamic Law, or an unborn child, or a person

who is prohibited from administering his property, and includes a person appointed as guardian of property by the Court;'; and

- (e) in the national language text, in the definition of "wasi" by inserting after the words "pelaksanaan sesuatu" the word "wasiat".

3. The principal Enactment is amended by inserting New section 5A after section 5 the following section:

"**5A.** A testator may amend a will by—

Amendment of wills

- (a) adding, deleting or substituting property that was bequeathed;
- (b) increasing or reducing the rate of property bequeathed;
- (c) adding, deleting or substituting the beneficiaries named; or
- (d) adding, deleting or substituting other matters specified in the will.".

4. The principal Enactment is amended by inserting New section 17A after section 17 the follwing section:

"**17A.** A guardian of property may reject a will for a beneficiary in the circumstances referred to in subsection 17(2) or (3) where, in the opinion of the guardian of property, it will be prejudicial to the beneficiaries.".

5. Section 22 of the principal Enactment is amended by Amendment of section 22 inserting after subsection (4) the following subsection:

"(4A) Where there are more than one beneficiary and the rate of the property bequeathed was not determined by the testator, the beneficiaries shall share the bequest with an equal distribution rate.".

<sup>Amendment of section 24</sup> **6.** Section 24 of the principal Enactment is amended by inserting after subsection (3) the following subsections:

“(4) An executor shall be appointed from among the Muslim, a body or company that is permissible by Islamic Law.

(5) Where there is no executor appointed by the testator, the Court may appoint an executor after the death of the testator.

(6) The Majlis can be appointed as an executor.”.

<sup>Amendment of section 26</sup> **7.** Section 26 of the principal Enactment is amended by deleting subsection (2).

<sup>Amendment of section 27</sup> **8.** The principal Enactment is amended by substituting for section 27 the following section:

“Bequest to grandchildren

**27.** (1) Subject to subsection (2), where a grandfather or grandmother dies without making any will to the grandchildren from his or her son or daughter who has predeceased the grandfather or grandmother or dies with him or her at the same time, the grandchildren shall be entitled to an obligatory will.

(2) The execution of the obligatory will referred to in subsection (1) shall fulfill the following conditions:

(a) the grandchildren are not beneficiaries to the estate of the deceased grandfather or grandmother;

(b) the father or mother of the grandchildren was a Muslim at the time of his or her death;

(c) the grandchildren did not involve in the killing of the deceased grandfather or grandmother; and

- (d) the grandchildren did not receive any property from the deceased grandfather or grandmother whether through gifts or will or other grants according to the rate of the obligatory will entitled to be received by the grandchildren.
- (3) The distribution of the obligatory will referred to in subsection (1) can be exercised after matters relating to the funeral arrangements, *ikhtiyariyyah* will and debts settlement have been taken care first.
- (4) Notwithstanding subsection (1), where a grandfather or grandmother dies making a will, gifts or other grants to the grandchildren, the grandchildren would still be entitled to receive an obligatory will if he fulfills the conditions in paragraphs (2)(a), (b) and (c).".

**9.** The principal Enactment is amended by inserting New sections 27A and 27B after section 27 the following sections:

**“27A.** (1) The rate of an obligatory will for the entitled grandchildren shall according to the portion of faraid of his father or mother which is entitled to be received by that father or mother if they are still alive and shall not exceed one third of the estate of the deceased grandfather or grandmother.

(2) The rates of the obligatory will are as follows:

- (a) where the rate of the portion of faraid of the father or mother to the grandchildren is less than one third of the estate of the deceased grandfather or grandmother, the rate shall be the rate of the portion of faraid;

- (b) where the rate of the portion of faraid of the father or mother to the grandchildren is more than one third of the estate of the deceased grandfather or grandmother, the rate shall be limited to one third of the estate unless consented by the heirs of the deceased grandfather or grandmother;
- (c) where the deceased grandfather or grandmother has made a will to the grandchildren according to subsection 27(4) with the rate which exceeds the portion of faraid of his father or mother from the estate of the deceased grandfather or grandmother but does not exceed one third, the excess will be regarded as an *ikhtiyariyyah* will which is entitled to be received by the grandchildren without getting the consent from the heirs of the deceased grandfather or grandmother; or
- (d) where the deceased grandfather or grandmother has made a will or gives gifts or property through any grants to the grandchildren according to subsection 27(4) with a rate lesser than the portion of faraid of his father or mother from the estate of the deceased grandfather or grandmother, the rate shall be according to the rate of the obligatory will.

Distribution  
of obligatory  
will


**27B.** The distribution of property which the rates are determine under section 27A shall be in accordance with the following order:

- (a) where he is a sole grandchild, he is entitled to the whole of the obligatory will;
- (b) where there are more than one grandchild and consist of all male or female, the distribution of the obligatory will shall be made equally; or

- (c) where there is a combination of male and female grandchildren, the distribution of the obligatory will shall follow the rate that has been determined by the faraid law for sons and daughters.”.

Passed this 8 November 2016  
[P.U. Sel. (ADV) GUB (R) 06/12]

ELYA MARINI BINTI DARMIN  
*Clerk of the Legislative Assembly*  
*Selangor*



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA